

# Banyak produk unik Sabah tidak didaftar sebagai harta intelek

KOTA KINABALU 12 April - Kebanyakan produk buatan Sabah masih belum didaftarkan sebagai harta intelek dan ia merupakan satu kerugian kepada pemiliknya dan negeri ini sendiri.

Pengarah Kanan Bahagian Reka Bentuk dan Perindustrian Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Mohd. Faizuddin Mohd. Sharuji berkata, Sabah sebenarnya amat bertuah kerana kedudukannya yang strategik dan kaya dengan budaya daripada pelbagai suku kaum, sekali gus menghasilkan produk unik dan berkualiti tinggi.

“Hasil atau produk itu boleh didaftar di bawah komponen harta intelek iaitu Petunjuk Geografi yang mengenal pasti kawasan atau tempat asal sesuatu produk, selain dalam masa yang sama menjaga kepentingan hak eksklusif penciptanya,” katanya.

Mohd. Faizuddin berkata demikian pada Seminar Harta Intelek peringkat negeri Sabah 2012 di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini hari ini.

Hadir sama, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Seri Dr. Kamaruzaman Ampon; Timbalan Pengarah Yayasan Sabah, Datuk Dr. Johan Ariffin A. Samad dan Pengerusi Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah, Dayang Rukiah Ag. Amit.

Mengulas lanjut, Mohd. Faizuddin berkata, Petunjuk Geografi memainkan peranan penting dalam pemasaran kerana ia merupakan satu instrumen penjenamaan dalam memasarkan produk.

Menurutnya, ia juga memberi kesan langsung kepada sektor agro-pelancongan dan contoh terbaik di Sabah adalah Ladang Teh Sabah yang menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Selain itu, katanya, MyIPO juga mengenal pasti beberapa barangan dan produk tempatan Sabah lain yang mempunyai nilai komersial tinggi dan berpotensi untuk didaftarkan di bawah Petunjuk Geografi seperti Kerepek Pisang Sekaki Sabah, Tuhau Tambunan, Rumpai Laut Semporna, sayur Sabah Vegie dan parang Kota Belud.



**KAMARUZAMAN** Ampon sambil diperhati Dayang Rukiah Ag. Amit (kanan), Johan Ariffin (dua dari kiri) dan Mohd. Faizuddin Mohd Sharuji memukul gong sebagai tanda perasmian Seminar Harta Intelek peringkat negeri Sabah 2012 di Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu, semalam.